

Dedahkan nama dapat permit

UM 31 MAY 2005

KUALA LUMPUR 30 Mei — Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencadangkan supaya nama mereka yang mendapat Permit Import (AP) kereta didedahkan secara terperinci kepada umum.

Beliau yang bimbang dengan pengeluaran permit itu yang disifatkan sebagai terlalu banyak berkata, ini ekoran terdapat pihak yang mendakwa pemberian AP tidak adil dan pemegangnya pula membawa masuk banyak kereta hingga mengancam industri automotif negara.

“Dalam soal AP ini, bagi saya dedahkan siapa yang dapat, siapa pemilik kilang pasang kereta, semua segalanya. Kerana saya tahu, import kereta melalui AP ini lebih banyak daripada import kereta melalui ejen,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di kediamannya di Seri Kembangan di sini hari ini.

“Kalau nak kata kualiti Proton tidak baik, tapi kita boleh jual sampai England, sudah tentu mereka kenakan kualiti yang baik untuk

memasuki pasaran mereka,” katanya.

Masalah sekarang ini kata beliau, Proton terpaksa bersaing dengan kereta import yang dijual terlalu murah.

Sehubungan itu katanya, kerajaan perlu mendedahkan harga sebenar kereta yang diimport semasa tiba di pelabuhan sehinggalah dikenakan cukai kerajaan.

“Untuk kita sahkan sebenar tuduhan ini, tunjukkan invois. Kastam

import kereta kepada umum

ada rekod, betul atau tidak ada tuduhan kononnya ada kereta dari Korea yang harga tiba (landed price) RM11,000 seunit.

“Ini (harga RM11,000) nak beli bahan mentah buat kereta pun tak cukup. Betul atau tidak, (kerajaan) dedahkan semuanya,” kata beliau.

Beliau menjelaskan AP yang diberi dengan mudah akan menyebabkan lebih banyak kereta dibawa masuk.

“Saya dulu bila dituduh mengamalkan kronisme, saya tunjuk se-

mua senarai orang yang dapat kontrak kerajaan,” katanya.

Beliau yang juga penasihat Proton berkata, syarikat kereta nasional itu berusaha untuk mengeksport kerejanya ke luar negara tetapi ia bukannya satu jalan yang mudah.

“Negara yang kita import keretanya tak bagi kita eksport Proton, saya ingat jika kita import kereta mereka, mereka boleh import kereta kita,” ujarnya.

Beliau berkata, Proton tidaklah seteruk yang disangka kerana ia

masih mempunyai wang tanpa meminjam pada kerajaan.

Malah jelas Dr. Mahathir, pelaburan sebanyak RM1.8 bilion untuk kilang di Tanjung Malim, Perak membuktikan syarikat itu mempunyai aliran tunai yang baik.

Katanya, ia terbukti apabila pelabur termasuk dari Singapura berminat untuk membeli Proton selain harga sahamnya yang baik.

Tegasnya, sebagai penasihat, beliau akan terus mempertahankan Proton.